

Audit segera kemudahan awam di PPR

AMPANG - Beberapa Projek Perumahan Rakyat (PPR) di Malaysia perlu segera diaudit bagi memeriksa tahap keselamatan kemudahan di kawasan kediaman itu termasuk khidmat lif.

Ketua Penyelaras Pusat Sumber Memajukan Masyarakat dan Perumahan (Reach), Datuk Iskandar Abdul Samad berkata, ia kerana kebanyakan PPR di negara ini sudah lama dibina malah ada yang berusia lebih 20 tahun.

Iskandar berkata, pada masa sama

kerajaan Persekutuan disaran memperuntukkan sekurang-kurangnya RM200 juta untuk membaikpulih kesemua kemudahan termasuk perkhidmatan lif di PPR.

"Justeru, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diminta segera membuat audit untuk memastikan keselamatan di PPR.

"Reach mengalu-alukan pengumuman Menteri KPKT, Zuraida Kamaruddin untuk mengadakan mesyuarat jawatankuasa bagi mencari mekanisme mengurangkan

insiden melibatkan lif di Malaysia.

"Lif memang merupakan aspek utama perlu diberi perhatian tetapi terdapat aspek-aspek lain juga perlu diambil berat antaranya pendawaian elektrik, tembok batu dan railings yang tidak lagi kukuh serta penutup bumbung yang reput," katanya.

Iskandar yang juga bekas Exco



Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Kehidupan Bandar Selangor berkata, berdasarkan pengalamannya, kerajaan negeri turut membaikpulih kemudahan di PPR, bagaimanapun terdapat halangan dari segi dana.

"Kerajaan tidak boleh menunggu dan apabila berlaku kemalangan baru hendak bertindak," katanya.

Lif PPR cepat rosak sebab kerap guna

SHAH ALAM

Jangka hayat sesebuah lif lebih pendek sekiranya kemudahan berkenaan digunakan terlalu kerap misalnya di kawasan kediaman seperti Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang umumnya mempunyai penghuni yang ramai.

Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP), Ir Omar Mat Piah berkata, pihak pemilik perlu melantik syarikat penyelenggara yang kompeten untuk membuat pemeriksaan dan penyelenggaraan secara berkala.

"Lif terlalu kerap digunakan perlu dinaik taraf bagi mengelakkan sebarang risiko dan masalah kepada pengguna. Jangka hayat lif bergantung pada kekerapan ia digunakan. Oleh itu, program penyelenggaraan perlu dilaksanakan lebih kerap.

"Setiap lif perlu diselenggara oleh pihak syarikat penyelenggara kompeten yang dilantik oleh pemilik premis dan berdaftar

dengan JKKP sebagai syarikat pemasangan, penyelenggaraan dan pemeriksa lif," katanya kepada *Sinar Harian*.

Menurut Omar, reka bentuk lif di PPR dibuat mengikut standard yang turut digunakan di peringkat antarabangsa.

"Selain itu standard tersebut juga meliputi aspek ujian. Selepas pemasangan, ia dibuat ujian yang dihadiri oleh pegawai JKKP dan jika ujian itu berjaya Sijil Perakuan kelayakan mengguna (CF) dikeluarkan.

"Pemunya lif penumpang hendaklah membuat perjanjian penyelenggaraan dengan firma yang kompeten selama tempoh tidak kurang daripada satu tahun dan memastikan kerja-kerja penyelenggaraan lif dilakukan secara berkala dan diperiksa



OMAR

sepenuhnya sekurang-kurangnya sekali setiap tiga bulan," katanya.

Beliau berkata, hasil pemeriksaan itu direkodkan dalam satu borang mengikut undang-undang, borang itu juga perlu diserahkan kepada pemilik bangunan.

"Setiap 15 bulan, JKKP akan datang dan buat pemeriksaan audit untuk memastikan sistem dalam keadaan baik," katanya.

Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Mahfuz Omar pada Oktober tahun lalu mendedahkan, sejumlah 52 kes kemalangan melibatkan lif dan 33 kes melibatkan eskalator dilaporkan kepada JKKP di antara 2012 sehingga September 2018.

Sebanyak enam kematian serta enam kes kecacatan kekal dan 58 kecederaan dilaporkan dalam tempoh tersebut.

Kronologi insiden lif



2 OGOS 2019

Lapan individu cedera apabila lif dinaiki mengalami kerosakan dan jatuh dari tingkat lima di PPR Kerinchi, Pantai Dalam kira-kira jam 2.30 petang.

Empat mangsa termasuk seorang wanita dan seorang kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun patah kaki serta empat lagi mangsa cedera di pergelangan kaki.

Lif yang bergerak turun dari tingkat lima dilapor tiba-tiba bergerak laju dan berhenti secara mendadak di aras satu.

24 OGOS 2017

Dua wanita pengsan selepas terperangkap di dalam lif hampir setengah jam dalam kejadian di sebuah pangsapuri di Jalan Muhibbah, Klang, Selangor kira-kira jam 6.32 pagi.

Kejadian dikatakan berlaku di tingkat empat pangsapuri itu apabila lif yang dinaiki 12 penduduk pangsapuri tersangkut dan menyebabkan mereka terperangkap.

20 JUN 2016

Seorang wanita sarat mengandung sesak nafas manakala dua penduduk cedera selepas terperangkap dalam lif selama hampir sejam di Pangsapuri Ampang Jajar, Mak Mandin di Georgetown.

17 JULAI 2013

Seorang murid sekolah berumur 11 tahun meninggal dunia kerana tersepit di pintu lif di flat kediamannya di Blok 8, PPR Desa Tun Razak Sungai Besi.

Mangsa cuba memanjat keluar sebelum secara tiba-tiba lif bergerak turun perlahan-lahan menyebabkan leher mangsa terkepik antara lantai tingkat tiga dan lif. Mangsa cedera parah di leher dan meninggal dunia di tempat kejadian.

KPKT cari jalan selesaikan isu lif PPR

AMPANG - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan mengadakan mesyuarat penyaluran bersama jawatankuasa terlibat bagi mencari mekanisme mengurangkan insiden melibatkan lif di Malaysia.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin berkata, pihak yang terlibat dengan mesyuarat itu antaranya Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Perumahan Negara dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

"Kita akan membincangkan satu mekanisme yang boleh dipertingkatkan selain memperke-

atkan lagi pengawalan dalam memastikan pemantauan dapat dijalankan dengan baik agar insiden membabitkan lif dapat dikurangkan," katanya.

Prosedur operasi standard penyelenggaraan lif di semua pangsapuri Projek Perumahan Rakyat (PPR) dikendalikan Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai insiden lif terhempas di Kampung Kerinchi di Kuala Lumpur terhempas sehingga menyebabkan lapan individu cedera pada 3 Ogos lalu.



Zuraida (tengah) selaku Menteri KPKT akan mengadakan mesyuarat penyaluran bersama jawatankuasa terlibat bagi mencari mekanisme untuk mengurangkan kes insiden melibatkan lif di Malaysia.